



## KONVENTENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (K.I.K) PERKHIDMATAN AWAM KE 24 PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2011

Tarikh : 18 Hingga 21 Jun 2011

## Sistem E-SYURA



## MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PERSEKITARAN DAERAH KERIAN DARI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK



## KEMBARA ZAKAT PRIHATIN V 2011

• SUDUT EDITOR •

## SIDANG REDAKSI

### Penasihat

Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin b. Syed Ikhsan

### Ketua Editor

En. Mohd Hadi b. Sulaiman

### Editor

En. Wan Abdul Halim Hafiidz b. Mohd Amin

### Jurufoto

En. Aizat b. Sabri

### Editor Bersekutu

Bahagian Zakat

Bahagian Hartanah

Bahagian Khidmat Pengurusan

### Edaran

Unit Korporat dan Keurusetiaan

Bahagian Khidmat Pengurusan

### Diterbitkan oleh

Unit Korporat dan Keurusetiaan

Bahagian Khidmat Pengurusan

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
30000 Ipoh, Perak.

Tel: 05-254 8776 Faks: 05-241 4257

### Laman web

[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)

### Emel

[korporat@maiamp.gov.my](mailto:korporat@maiamp.gov.my)

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiaran, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Wadah MAIPK. Sidang Editor mengalukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

## KANDUNGAN

Sudut Editor 2 • Semasa 3

Mutiara Perdana 4 • Semasa 5

Pemantapan Organisasi 6 & 7

Fokus 8 & 9

Semasa 10, 11 & 12

Artikel 13

Berita Sana Sini 14 & 15

Info Agihan 16

*Dari Moja  
Ketua Editor*



Assalamualaikum wbt  
dan salam sejahtera

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah Tuhan sekalian alam. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala nabi, keluarga baginda, para sahabat serta seluruh muslimin dan muslimat yang telah pergi dan yang masih hidup. Wadah MAIPk edisi kedua bagi tahun 2011 dapat diterbitkan bagi berkongsi dengan masyarakat Islam khususnya di Negeri Perak mengenai aktiviti-aktiviti kutipan dan agihan zakat.

Bagi terbitan kali ini, sidang redaksi memberikan fokus kepada maklumat-maklumat berkaitan dengan program Kembara Zakat Prihatin V yang telah diadakan bagi mengagihkan bantuan-bantuan di daerah yang terlibat. Di samping itu, para pembaca akan dapat mengetahui dengan lebih dekat aktiviti dan program pemantapan organisasi MAIPk yang dilakukan sejak tahun 2010 lagi.

Pada kesempatan ini, saya mewakili Sidang Editor ingin mengucapkan Selamat Hari Raya 'Aidiladha kepada umat Islam. Mudah-mudahan ibadah haji dan korban yang dilakukan diterima dan mendapat redha Allah SWT. Baki kesempatan masa sehingga penghujung tahun 2011, inilah masanya untuk kita terus menuaikan zakat tanpa ada rasa malu, segan atau risau. Peningkatan dana zakat pada tahun ini, ramai penerima-penerima asnaf akan terbela dan harta-harta umat Islam akan bertambah berkat. Berzakat - Harta Terpelihara, Asnaf Terbela.

Sekian, terima kasih.



# PEMELIHARAAN dan PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

- DYT M RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah bahawa pemanasan global yang disebabkan oleh pencemaran alam sekitar merupakan ancaman besar kepada kehidupan alam dan keselamatan dunia. Pemanasan dunia telah mengakibatkan berlakunya pencairan *glasier* pada kadar yang tinggi lalu mengakibatkan paras air laut semakin meningkat dan menenggelami kawasan persisiran pantai di serata dunia.

“Di banyak tempat, cuaca panas mencecah lima puluh (50) darjah Celsius, mengakibatkan berlakunya kemarau paling teruk, memusnahkan tanaman dan mengorbankan ternakan. Bekalan air untuk keperluan

manusia, ternakan dan tanaman kini semakin meruncing. Makanan semakin sukar didapati. Kos pengeluaran makanan semakin meningkat dan harga makanan di pasaran semakin melambung tinggi. Bekalan makanan semakin kritikal dan semakin ramai penduduk dunia menghadapi situasi kekurangan bekalan makanan. Di wilayah timur Afrika sebagai contoh, dua belas (12) juta penduduk di negara-negara Sudan, Kenya, Ethiopia, Djibouti dan Somalia, mengalami kesukaran mendapatkan makanan. Dilaporkan, setiap hari, enam puluh (60) bayi di kawasan tersebut meninggal dunia akibat kelaparan dan kekurangan zat makanan.

Namun, kerosakan demi kerosakan berlaku berpunca dari krisis hubungan antara manusia dengan alam. Kerosakan yang berlaku dan terus dilakukan adalah kerana perbuatan zalim manusia; apabila manusia bersifat terlalu tamak, membina kekayaan dan menghambat kemewahan hingga gagal mengimbangkan secara saksama keperluan kehidupan makhluk dengan alam sekitar ciptaan ILAHI. Roh keinsanan bagaikan telah tiada dalam hati nurani sesetengah manusia. Perasaan belas, perasaan ihsan, perasaan kemanusiaan bagaikan telah padam di kalangan sebahagian mereka yang diberi amanah mengurus tadbir maya ini. Krisis hubungan antara manusia dengan alam tidak dapat diselesaikan melalui resolusi, melalui formula saintifik, melalui teknologi atau melalui perundangan semata-mata. Ia memerlukan penghayatan roh keinsanan di dalam diri manusia dalam menjalankan hubungan dengan makhluk dan alam semesta, serta ketakwaan kepada ALLAH Subhanahu Wata’ala yang Maha berkuasa di atas segala kerajaan.”

Titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak Kali Ke-177 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 14 Julai 2011.

Sehubungan itu, titah Baginda lagi, langkah-langkah yang dapat membantu mengatasi pencemaran wajib diperkenal dan dilaksanakan. Antara langkah-langkah tersebut ialah program kitara semula, program meminimumkan buangan sisa, program kawalan pembuangan sisa industri dan sisa toksik dan program meminimumkan penggunaan plastik. Di samping itu, program pendidikan mengenai pengurusan alam sekitar dan indeks prestasi pencapaian dan instrumen pengesanan secara berkala diperkenalkan.



## PETIKAN TITAH DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN, YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK SEMPENA PERSIDANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK PADA TAHUN 2007

### BENCANA ALAM AKIBAT SALAH TADBIR URUS MANUSIA

"Bala bencana merupakan peringatan Allah kepada manusia. Mungkin dalam kerakusan manusia yang merasakan telah begitu berkuasa, manusia telah banyak melakukan kezaliman kepada alam semula jadi. Mungkin dalam kesombongan manusia yang merasakan begitu bijak, manusia telah melakukan perancangan alam kehidupan secara mendadak, tanpa berfikiran jauh, tanpa melihat implikasi jangka panjang, dalam bentuk menghadapi pencemaran alam, pemanasan global dan pelbagai perkara yang menentang hukum alam secara keterlaluan.

Generasi hari ini mungkin terpaksa membayar harga yang mahal ke atas kesilapan generasi terdahulu. Oleh itu, amatlah penting generasi hari ini mengambil ictibar dengan tidak mengulangi kesilapan yang lalu, demi menjamin generasi masa hadapan agar tidak menderita kerana terpaksa menanggung dosa kesilapan yang dilakukan oleh generasi hari ini. Untuk itu, dengan penuh keinsafan, Beta mengingatkan diri Beta sendiri untuk melihat bala bencana yang begitu sering berlaku pada masa ini, sebagai suara Ilahi, memperingatkan hambaNya untuk tidak melakukan kezaliman, tetapi, alam semesta dan isi dunia, hendaklah diuruskan secara adil lagi saksama, berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi."

- Persidangan MAIPk kali Ke-157

### KOMUNIKASI BERKESAN

"Sering kali konflik dan krisis berlaku, kerana adanya jurang komunikasi. Malah tanpa komunikasi berkesan, jiran yang tinggal sekampung dan anggota keluarga yang tinggal sebumbung, boleh berakhir dengan konflik dan krisis. Apatah lagi cabaran yang dihadapi dalam sebuah negara yang mempunyai warga yang menganut pelbagai agama, berlatar belakangkan pelbagai kaum dengan mengamalkan pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa. Tidak boleh sama sekali dibenarkan berlakunya jurang komunikasi di antara warga di negara ini. Saluran komunikasi secara berkesan amatlah penting diwujudkan, dilaksanakan secara bertamadun, dengan hati yang lapang dan minda yang terbuka; semoga akan terbina jambatan hubungan – akan terangkai tali persahabatan di kalangan warga. Islam berkembang hebat ke serata dunia dalam tempoh masa yang singkat kerana terdapatnya mekanisme komunikasi yang berkesan hingga dapat merentas sempadan negara, sempadan politik, sempadan budaya dan sempadan bahasa. Mekanisme komunikasi yang berkesan itu telah tidak menimbulkan sebarang keraguan dan tidak mengandungi unsur paksaan atau kekerasan."

- Persidangan MAIPk kali Ke-158

### PENGURUSAN KEWANGAN SECARA CEKAP

Pengurusan kewangan secara cekap merupakan komponen penting menentukan kejayaan sesuatu perancangan. Pengurusan sumber kewangan secara cekap oleh mereka yang memiliki kepakaran dan kebijaksanaan yang tinggi akan dapat meningkatkan produktiviti yang dapat pula memberi manfaat kepada kumpulan sasaran. Disebaliknya pengurusan kewangan yang lemah berakhir dengan pembaziran lalu gagal mendatangkan hasil optimum.

Rasa tanggungjawab yang tinggi perlu ada dikalangan perancang dan pelaksana agar pengurusan kewangan dapat diuruskan secara telus dan penuh berhemah. Ketirisan kewangan akan berlaku jika sumber kewangan gagal diuruskan secara berhemah dan telus. Tatacara kewangan yang telah digarisahkan hendaklah dipatuhi sepenuhnya supaya amalan pengurusan kewangan memperlihatkan budaya pengurusan yang amanah lagi bertanggungjawab.

- Persidangan MAIPk Kali Ke-159

### PERTAHAN KESELAMATAN RAKYAT DAN NEGARA

"Kejadian-kejadian jenayah dan perbuatan-perbuatan mengetepikan undang-undang negara, jika tidak ditangani secara tegas, boleh mengancam kestabilan dan keamanan yang sedang dinikmati oleh warga di negara ini. Jenayah perlu dibanteras secara tegas – secara berkesan. Warga dan masyarakat harus tampil ke hadapan membantu pihak berkuasa dalam usaha membanteras jenayah. Ketika negara dalam darurat menghadapi ancaman militan komunis, warga pernah menyahut seruan negara menyertai pasukan 'home guard' dan menubuhkan pasukan kawalan kampung. Demikian juga peranan aktif warga membantu pasukan keselamatan ketika negara menghadapi ancaman konfrontasi dengan Indonesia. 'Citizen patrol' atau mengadakan rondaan di kalangan warga pernah dilakukan melalui program Rukun Tetangga dalam usaha mengawal kejadian jenayah di awal tahun tujuh puluhan.

Kos ekonomi dan kos sosial yang harus ditanggung oleh negara akan menjadi bertambah besar jika kehadiran warga asing tanpa izin tidak segera dibendung. Warga Malaysia wajib tampil ke hadapan, berperanan aktif, menjadi telinga dan mata, membantu usaha pasukan keselamatan untuk membanteras jenayah secara lebih berkesan. Sewajarnyalah Badan-Badan Islam, Jawatankuasa Masjid dan Kariah tampil ke hadapan memperlihatkan sebaik contoh, membantu usaha negara dan pasukan keselamatan membanteras jenayah terutama di kawasan-kawasan yang memperlihatkan perangkaan kejadian jenayah yang tinggi.

Beta menyeru kepada warga di negara ini, untuk senantiasa mengamalkan pemikiran rasional, memilih tindakan secara rasional dalam ruang lingkup undang-undang negara dan bertiangkan budaya bangsa dalam apa juga usaha untuk membawa kebaikan. Negara telah mencapai banyak kemenangan dan mencipta banyak kejayaan melalui budaya rundingan, budaya perbincangan dan budaya muafakat. Budaya bertindak yang asing dengan budaya kita hendaklah ditolak dan tidak dibenarkan bertapak di bumi ini. Seruan Beta, pilihlah jalan yang baik - pilihlah cara yang baik – pilihlah kaedah yang baik dalam hasrat muahu mencapai niat yang baik."

- Persidangan MAIPk Kali Ke-160



## Majlis Penyerahan ZAKAT PERNIAGAAN dan TANAMAN

**14 JULAI** – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan dan Tanaman bersempena dengan Persidangan Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak Kali Ke-176. Majlis ini telah diadakan di Auditorium, Kompleks Islam Darul Ridzuan. DYTm Raja Muda Perak Darul Ridzuan telah berkenan untuk mencemar duli bagi menerima zakat perniagaan daripada syarikat-syarikat pada majlis tersebut.

Pada majlis tersebut, sebanyak 8 buah syarikat telah menyerahkan zakat perniagaan dan tanaman berjumlah keseluruhan RM11,439.532.50. Syarikat-syarikat yang membayar zakat pada majlis tersebut ialah Lembaga Air Perak berjumlah RM4,798,927.00, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak berjumlah RM2,347,205.00, Ladang Lekir Sdn. Bhd. berjumlah RM1,227,898.00, Ladang Jalong Sdn. Bhd. berjumlah RM673,529.00, Perak SADC Services & Management Sdn. Bhd. berjumlah RM530,295.46, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak berjumlah RM913,000.00, Felcra Berhad Wilayah Berhad berjumlah RM798,678.04 dan TH Travel Sdn. Bhd. berjumlah RM150,000.00.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh Y.A.B. Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd. Kadir, Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato’ Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato’ Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad, Y.Bhg. Tan Sri Dato’ Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria, Mufti Negeri Perak dan Y.Bhg. Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.

### JUMLAH KUTIPAN ZAKAT MENGIKUT JENIS BAGI SELURUH NEGERI PERAK BERMULA 1 JANUARI SEHINGGA 31 OGOS 2011


| Bil | Jenis Zakat Daerah | Emas & Perak      | KWSP                | Pelaburan & Saham | Pendapatan          | Perniagaan           | Simpanan             | Tanaman             | Ternakan         | Jumlah               |
|-----|--------------------|-------------------|---------------------|-------------------|---------------------|----------------------|----------------------|---------------------|------------------|----------------------|
| 1   | Bagan Serai        | 4,736.95          | 19,421.60           | 1,037.50          | 41,280.20           | 101,655.81           | 261,602.20           | 146,712.10          | -                | 576,446.36           |
| 2   | Batu Gajah         | 4,828.00          | 39,915.83           | 3,693.60          | 37,381.99           | 5,250.00             | 482,115.28           | 836.10              | 1,100.00         | 575,120.80           |
| 3   | Gerik              | 3,480.00          | 28,597.40           | 500.00            | 44,634.50           | 181,517.60           | 269,763.00           | -                   | 2000.00          | 530,492.50           |
| 4   | Ibu Pejabat        | 77,098.67         | 458,898.50          | 23,306.50         | 8,367,302.05        | 25,970,209.69        | 6,262,492.07         | 832,037.01          | 5,000.00         | 41,996,344.49        |
| 5   | Kampar             | 3,841.00          | 20,549.00           | 9,325.00          | 8,485.00            | 11,466.85            | 168,208.95           | 900.00              | -                | 222,775.80           |
| 6   | Kampong Gajah      | 2,009.99          | 9,117.10            | 3,000.00          | 22,202.20           | 292,319.01           | 220,592.75           | 232,561.34          | 12,960.00        | 794,762.39           |
| 7   | Kuala Kangsar      | 18,785.60         | 102,706.51          | 10,582.90         | 161,409.09          | 388,200.35           | 971,947.95           | 11,350.27           | 800.00           | 1,665,782.67         |
| 8   | Lenggong           | 637.00            | 12,839.70           | 1,255.40          | 23,446.50           | 93,605.81            | 160,167.10           | -                   | 5,164.00         | 297,115.51           |
| 9   | Manjung            | 29,886.70         | 176,176.58          | 22,768.15         | 341,706.14          | 372,746.57           | 1,059,942.00         | 8,419.00            | 680.00           | 2,012,325.14         |
| 10  | Parit Buntar       | 2,071.50          | 35,871.06           | 6,660.96          | 75,007.77           | 103,811.40           | 373,505.60           | 57,192.15           | -                | 654,120.44           |
| 11  | Pengkalan Hulu     | 210.00            | 5,442.75            | -                 | 25,567.58           | 57,364.57            | 51,635.90            | -                   | -                | 140,220.80           |
| 12  | Selama             | 2,962.35          | 14,999.65           | 885.00            | 21,438.10           | 14,590.36            | 130,139.38           | 900.00              | -                | 185,914.84           |
| 13  | Seri Iskandar      | 21,457.94         | 44,910.46           | 5,850.90          | 292,593.87          | 208,531.46           | 542,418.18           | 81,534.70           | 2,300.00         | 1,199,597.51         |
| 14  | Slim River         | 1,876.00          | 33,766.92           | 1,800.00          | 58,767.00           | 115,542.85           | 205,085.15           | -                   | 450.00           | 417,287.92           |
| 15  | Taiping            | 19,464.68         | 96,789.60           | 6,450.00          | 136,966.25          | 185,944.58           | 1,082,760.42         | 1,603.60            | 1,100.00         | 1,531,079.13         |
| 16  | Tapah              | 5,131.80          | 57,702.66           | 5,042.40          | 69,610.85           | 166,087.37           | 577,803.68           | 4,346.00            | 13,900.00        | 899,624.76           |
| 17  | Teluk Intan        | 20,813.10         | 90,689.80           | 5,970.00          | 151,315.46          | 496,474.08           | 819,189.85           | 96,698.55           | 8,400.00         | 1,689,550.84         |
|     | <b>Jumlah</b>      | <b>219,291.28</b> | <b>1,248,395.12</b> | <b>108,128.31</b> | <b>9,879,114.55</b> | <b>28,765,318.36</b> | <b>13,639,369.46</b> | <b>1,475,090.82</b> | <b>53,854.00</b> | <b>55,388,561.90</b> |

# Penyertaan SISTEM E-SYURA MAIPK ke Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif

Pada 19 sehingga 21 Julai 2011, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) julung-julung kalinya telah menghantar satu kumpulan bagi menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kategori Pengurusan yang dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Kumpulan ini dinamakan sebagai Kumpulan Ikhsan diketuai oleh Ustaz Bakri bin Lee. Sebanyak 18 kumpulan dari pelbagai jabatan dan agensi menyertai konvensyen ini. Pihak MAIPk telah membina satu sistem yang dinamakan e-Syura bagi menyertai konvensyen ini.

Idea penciptaan sistem e-Syura tercetus bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan agihan zakat. Idea kreatif ini diterjemahkan bagi mentransformasi amalan pengurusan agihan zakat yang sedia ada. Pembinaan sistem ini dapat memudahkan tugas MAIPk sebagai salah satu institusi atau agen membasmi kemiskinan di peringkat negeri. Selain itu, sistem ini dapat menjimatkan kos dan masa bagi mendapatkan keputusan suatu permohonan.

Ciri-ciri inovatif dalam sistem e-Syura ialah sistem tersebut unik dan tersendiri. Sistem atas talian ini berupaya menentukan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal dilaksanakan dengan lebih teratur, kemas dan cepat. Sebanyak 150 sehingga 250 permohonan perlu dipertimbangkan setiap kali mesyuarat diadakan dan dengan sistem ini, minit mesyuarat dapat disediakan dengan pantas dan tepat. Ini terbukti



apabila sistem e-Syura digunakan, kertas-kertas kerja mesyuarat dapat disediakan dalam masa 2 hari berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 7 hari. Manakala 7 hari bagi penyediaan minit mesyuarat dengan mudah dapat dicapai hanya dalam 1 hari sahaja.

Peranan utama MAIPk adalah mengendalikan pengurusan zakat yang meliputi kutipan dan agihan zakat. Projek ini menumpukan aspek pengurusan agihan zakat yang merangkumi asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Muallaf, Ibnu Sabil, Fisabilillah dan Riqab. Skim-skim yang terdapat

dibawah asnaf-asnaf tersebut adalah cukup menyeluruh. Dengan memperkenalkan e-Syura, MAIPk menjadi perintis kepada badan-badan atau organisasi-organisasi kebajikan yang lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Amanah Ikhtiar serta Yayasan Perak.

Penggunaan sistem e-Syura ini juga telah terbukti berkesan dalam usaha pihak MAIPk menjimatkan sumber yang dimiliki merangkumi penjimatan kos operasi, masa serta guna tenaga di kalangan pegawai yang terlibat. Sistem e-Syura telah berjaya memperolehi kadar penjimatan yang tinggi selepas kewujudannya iaitu sebanyak RM18,144.00 setahun. Angka ini tidak termasuk penjimatan setelah penyeragaman ke daerah-daerah yang sedang dilakukan.

Kumpulan Ikhsan mendapat tempat saguhati di dalam konvensyen tersebut. Walau bagaimanapun, ucapan tahniah diberikan kepada ahli-ahli kumpulan tersebut kerana bertungkus lumus memperkenalkan suatu ciptaan yang inovatif dan kreatif bagi memudahkan pengurusan agihan zakat. Semoga penyertaan ini membangkitkan semangat di kalangan warga MAIPk dan institusi-institusi agama lain di Negeri Perak untuk terus berkreatif dan berinovasi demi memartabatkan ummah.



# Pengubahsuaian PEJABAT MAIPk



GAMBAR DARI KIRI :

• PINTU MASUK PEJABAT MAIPk DAERAH KAMPAR SETELAH DIUBAHSUAI.

• KAUNTER KUTIPAN ZAKAT MAIPk DI TINGKAT 4, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN, IPOH.

Penjenamaan semula pejabat-pejabat Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) merupakan salah satu transformasi yang dilakukan sejak tahun 2008. Penjenamaan semula ini melibatkan proses pengubahsuaian ruang dalaman pejabat MAIPk bagi mewujudkan suasana dan budaya kerja yang aktif, dinamik serta proaktif. Di samping itu, proses pengubahsuaian ruang dalaman pejabat dilakukan bagi memberikan keselesaan dan kemudahan kepada para pelanggan MAIPk.

Proses ini telah bermula di peringkat Ibu Pejabat MAIPk dan seterusnya ke pejabat Pentadbiran MAIPk Daerah seperti berikut :-

- |  |        |
|--|--------|
| 1. Ibu Pejabat MAIPk (Bahagian Zakat, Khidmat Pengurusan dan Hartanah) | - 2008 |
| 2. Pejabat Pentadbiran MAIPk Daerah Taiping                            | - 2009 |
| 3. Pejabat Pentadbiran MAIPk Daerah Manjung                            | - 2010 |
| 4. Pejabat Pentadbiran MAIPk Daerah Kampar                             | - 2010 |
| 5. Pejabat Pentadbiran MAIPk Daerah Bagan Serai                        | - 2010 |
| 6. Pejabat Pentadbiran MAIPk Daerah Gerik                              | - 2010 |
| 7. Pejabat Pentadbiran MAIPk Daerah Kuala Kangsar                      | - 2010 |
| 8. Pejabat Pentadbiran MAIPk Daerah Selama                             | - 2011 |

Warna merupakan elemen penting dalam penentuan evolusi wajah baru MAIPk ini, Pentadbiran MAIPk telah memilih warna coklat sebagai warna dasar penentuan imej baru. Hasil gabungan warna coklat cair dan coklat tua ini telah menzahirkan warna imej rasmi MAIPk yang diaplikasikan pada proses pengubahsuaian ruang dalam pejabat, agihan bantuan Rumah Fakir Miskin dan sebagainya.


Secara keseluruhannya, proses evolusi wajah baru MAIPk ini dapat meningkatkan imej MAIPk kepada satu dimensi yang baru. Hasilnya dapat memberikan kesan dan impak yang positif kepada pelanggan khususnya asnaf-asnaf zakat dan pembayar-pembayar zakat. Ini dapat dilihat dengan wujudnya ruangan kaunter yang lebih selesa dan mesra pelanggan. Proses sistem penyampaian (delivery system) pentadbiran MAIPk di bahagian Zakat dan Hartanah dapat dipertingkatkan dan diperkemaskan. Selain itu, suasana kerja, faktor keselamatan tempat kerja dan penghasilan mutu kerja yang lebih produktif dan inovatif dapat dihasilkan dengan perubahan imej baru pejabat MAIPk di peringkat ibu pejabat dan daerah.

## PENGEMASKINIAN TANAH-TANAH BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK

**S**ehingga tahun 2011, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) memiliki tanah Baitulmal berjumlah 1,784 tanah di seluruh Negeri Perak yang berkeluasan sebanyak 27,705.1208 hektar. Tanah-tanah Baitulmal diperolehi oleh MAIPk melalui tiga (3) cara iaitu pemberian daripada Kerajaan Negeri, tanah tersebut dibeli oleh Pengurusan MAIPk dan diperolehi daripada pembahagian pusaka.

Dengan peredaran masa dan teknologi yang pantas berlaku, Pengurusan MAIPk menyusun strategi dengan mengemaskini semula maklumat-maklumat bagi setiap tanah-tanah Baitulmal. Strategi dan pelan tindakan dirangka dan dilaksanakan sejak awal tahun 2011 agar maklumat-maklumat terkini mengenai tanah tersebut diperolehi. Di samping itu, Pengurusan MAIPk dapat mengenal pasti tanah Baitulmal yang berdaya maju untuk dibangunkan dan tanah yang tidak berdaya maju untuk dijual kepada pembeli yang berminat.

Bagi menjayakan strategi ini, satu sistem pangkalan maklumat dibina dikenali sebagai e-Hartanah bagi menyimpan maklumat-maklumat setiap tanah Baitulmal dalam bentuk elektronik di samping maklumat-maklumat tersebut di dalam fail. Sehingga kini, proses pengemaskinian tanah Baitulmal sedang dilaksanakan di peringkat ibu pejabat dan daerah. Proses kemaskini ini meliputi salinan geran, cukai tanah, gambar-gambar terkini tanah tersebut dan penilaian harga tanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.



• FOKUS •

# KEMBARA ZAKAT

**07 JUN 2011** – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) sekali lagi menganjurkan Kembara Zakat Prihatin pada tahun ini. Program ini merupakan program kali kelima diadakan sejak tahun 2007. Seramai 50 peserta yang terdiri daripada kakitangan MAIPk seluruh negeri Perak merangkumi 30 buah kenderaan terlibat dengan program ini. Daerah-daerah yang dilawati oleh peserta konvoi program ialah daerah Taiping, Bagan Serai, Parit Buntar dan Selama.

Sebanyak **RM1,463,270.76** diagihkan kepada penerima-penerima bantuan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak melalui Program Kembara Zakat Prihatin V. Berikut dipaparkan catatan ringkas perjalanan dan aktiviti yang dianjurkan sempena dengan program ini.

## HARI PERTAMA 07 JUN 2011 (SELASA)

| Masa                 | Jalan/Laluan/Lokasi                           | Catatan   |
|----------------------|---|---|
| 9.00 pg – 11.00 pg   | Kompleks Belia dan Sukan Rakan Muda Kamunting | Program Perasmian dan Pelepasan Konvoi Kembara Zakat telah diadakan di Kompleks Belia dan Sukan Rakan Muda Kamunting. Program ini telah dihadiri oleh Y.B. Kapt. (B) Dato' Haji Najmuddin bin Elias Al-Hafiz dan Y.Bhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan. Pada masa yang sama, beberapa bantuan seperti bantuan bina dan baik pulih rumah, bantuan modal dan bantuan bulanan disampaikan kepada penerima bantuan daerah Taiping. |
| 11.00 pg – 12.00 tgh | Kg. Perwira, Kamunting                        | Bantuan barang dapur dan tunai telah disampaikan kepada seorang penerima iaitu En. Zainal Abidin bin Abdullah. Beliau dan keluarga merupakan muallaf. Bantuan telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.  |
| 12.00 tgh – 1.00 ptg | Jalan Gula, Bagan Serai                       | Penyampaian Bantuan Bina Rumah kepada En. Kamirodzaman bin Siar disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.   |
| 1.00 ptg – 4.00 ptg  | Kg. Sg. Protan                                | Program gotong royong membersihkan kawasan kubur, Masjid dan Sekolah Agama Rakyat Sg. Protan bersama pelajar-pelajar Pusat Giat Mara, Bagan Serai dan penduduk kampung. Penyampaian bantuan Pembangunan Islam oleh Orang Besar Jajahan Kerian berjumlah RM20,000.00.  |
| 4.00 ptg – 5.00 ptg  | Kg. Sg. Protan                                | Para peserta konvoi dan Orang Besar Jajahan Kerian menziarahi dan menyampaikan bantuan tunai dan barang dapur kepada seorang penerima bantuan.  |
| 5.00 ptg – 6.00 ptg  | Resort Kuala Gula                             | Para peserta berehat di Resort Kuala Gula sebelum meneruskan program Ceramah Penghayatan Islam di Masjid Kuala Gula selepas solat Maghrib.  |
| 7.30 mlm – 10.00 mlm | Masjid Kuala Gula                             | Ceramah Penghayatan Islam di Masjid Kuala Gula oleh Ustaz Ahmad Munawir bin Salehudin   |

# Zakat Prihatin V 2011

HARI KEDUA 08 JUN 2011 (RABU)

| Masa                 | Jalan/Laluan/Lokasi   | Catatan   |
|----------------------|---|---|
| 9.00 pg – 11.00 pg   | Dari Resort Kuala Gula ke PPK Tanjung Piandang, Parit Buntar. | Program Jejak Petani diadakan di mana taklimat mengenai zakat tanaman diberikan kepada para petani.   |
| 11.00 pg – 12.00 tgh | Jalan Siakap, Kuala Kurau                                     | Ziarah dan penyampaian bantuan kepada 2 orang penerima  |
| 12.00 tgh – 1.15 ptg | Masjid Sg. Jerneh, Ijok, Selama                               | Program Bantuan Pembangunan Islam dan Bulanan disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.   |
| 3.00 ptg – 4.00 ptg  | Bertolak ke Rumah Rehat Selama                                | Para peserta berehat di Rumah Rehat Selama sebelum program Forum Perdana di Masjid Daerah Selama  |
| 7.30 mlm – 10.00 mlm | Masjid Daerah Selama  | Forum Perdana yang dibincangkan oleh Y.Bhg. Dato' Sheikh Mohamah Nor bin Mansor dan A.F. Ustaz Ahmad Munawir bin Salehudin. Moderator forum ini ialah A.F. Ustaz Ahmad Fikri bin Mahmud. Hampir 1000 orang penduduk Daerah Selama hadir ke forum ini. |



HARI KETIGA 09 JUN 2011 (KHAMIS)

| Masa                 | Jalan/Laluan/Lokasi   | Catatan   |
|----------------------|---|---|
| 9.00 pg – 10.00 pg   | Bertolak dari Rumah Rehat Selama ke Kg. Changkat Lobak, Bagan Serai | Penyampaian bantuan tunai dan barang dapur kepada 2 orang penerima.   |
| 10.00 pg – 11.00 pg  | Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Pongsu                             | Program Penyampaian Bantuan Persekolahan Asnaf Fakir Miskin Daerah Kerian disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. |
| 12.00 tgh – 1.00 ptg | Kg. Teluk Medan, Bagan Serai  | Penyampaian Bantuan Bina Rumah Daerah Bagan Serai kepada 10 orang penerima bantuan.   |
| 1.30 ptg – 2.30 ptg  | Rumah Anak Yatim Nur Kasih, Ulu Sepetang, Taiping                   | Perasmian Penutup Program Kembara Zakat Prihatin V 2011 yang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk               |

• SEMASA •

Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) adalah salah satu organisasi yang bertanggungjawab bagi membantu golongan yang memerlukan seperti mana yang termaktub di dalam ayat 60, Surah At-Taubah yang bermaksud, “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijnakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir dalam perjalanan”. Oleh itu, sempena dengan kedatangan Hari Raya ‘Aidilfitri 1432H, MAIPk telah menyediakan bantuan kepada golongan asnaf Fakir dan Miskin.

Pada tahun ini, MAIPk telah memperuntukkan hampir RM1.7 juta untuk golongan Fakir dan Miskin. Bantuan ini disediakan bagi meringankan bebanan golongan tersebut untuk menyediakan persiapan menyambut ketibaan Hari Raya ‘Aidilfitri. Golongan tersebut tidak lagi perlu untuk resah memikirkan persediaan menyambut 1 Syawal kerana dengan bantuan ini mereka dapat menyempurnakan persediaan menyambut 1 Syawal.

Setiap penerima bantuan Fakir dan Miskin telah menerima RM200.00 seorang melalui pentadbiran MAIPk dan Jawatankuasa Zakat dan Fitrah seluruh Negeri Perak. Dengan jumlah peruntukan yang diberi, pihak MAIPk telah dapat mengagihkan wang zakat kepada golongan ini serama 8,203 orang. Pengagihan bantuan ini dapat direalisasikan setelah senarai penerima bantuan ini dilakukan oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah seluruh Negeri Perak.

Di samping itu juga, pihak MAIPk mengucapkan penghargaan yang tidak terbelah bagi kepada Orang Besar Jajahan di seluruh daerah Negeri Perak kerana sudi meluangkan masa dan tenaga bagi menyampaikan dan mengagihkan bantuan tersebut. Semoga dengan bantuan yang diberikan dapat menarik perhatian dan kesedaran masyarakat Islam untuk menunaikan zakat kepada pihak MAIPk.

# Bantuan HARI RAYA ‘AIDILFITRI 1432H



## AGIHAN ZAKAT DI BAWAH ASNAF FAKIR MISKIN SEHINGGA 31 OGOS 2011

| Bil. | Jenis Agihan                        | Peruntukan           | Agihan Semasa        | Baki                | %            |
|------|-------------------------------------|----------------------|----------------------|---------------------|--------------|
| 1.   | Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri 1432H | 3,000,000.00         | 1,640,600.00         | 1,359,400.00        | 54.69        |
| 2.   | Bantuan Kewangan Bulanan            | 13,500,000.00        | 9,992,300.00         | 3,507,700.00        | 74.02        |
| 3.   | Bantuan Persekolahan                | 2,500,000.00         | 3,043,926.05         | (543,926.05)        | 121.76       |
| 4.   | Bantuan Bina/Baik Pulih Rumah       | 4,000,000.00         | 4,481,270.05         | (481,270.05)        | 112.03       |
| 5.   | Bantuan Perubatan                   | 8,000,000.00         | 5,382,785.15         | 2,617,214.85        | 67.28        |
| 6.   | Bantuan Kecemasan / Segera          | 299,180.00           | 153,374.29           | 145,805.71          | 51.26        |
| 7.   | Bantuan Am Pelajaran                | 1,000,000.00         | 87,640.20            | 912,359.80          | 8.76         |
| 8.   | Bantuan Modal                       | 500,000.00           | 230,459.00           | 269,541.00          | 46.09        |
|      | <b>Jumlah</b>                       | <b>32,799,180.00</b> | <b>25,012,384.74</b> | <b>7,786,825.26</b> | <b>76.26</b> |

## AGIHAN ZAKAT DI BAWAH ASNAF FISABILILLAH 2010

### Bantuan Am Pelajaran

| Bil. | Kategori      | Bil. Penerima | Jumlah (RM)      |
|------|---------------|---------------|------------------|
| 1.   | Sijil         | 1,715         | 686,000          |
| 2.   | Diploma       | 3,801         | 1,900,500        |
| 3.   | Ijazah        | 2,799         | 1,679,400        |
|      | <b>Jumlah</b> | <b>8,315</b>  | <b>4,265,900</b> |

### Bantuan Dermasiswa

| Bil. | Kategori      | Bil. Penerima | Jumlah (RM)      |
|------|---------------|---------------|------------------|
| 1.   | Luar Negara   | 658           | 4,312,500        |
| 2.   | Dalam Negara  | 619           | 1,276,000        |
|      | <b>Jumlah</b> | <b>1,277</b>  | <b>5,588,500</b> |

### Bantuan Perkapita

| Bil. | Kategori                 | Bil. Pelajar   | Jumlah (RM)      |
|------|--------------------------|----------------|------------------|
| 1.   | SMAR                     | 2,769          | 193,830          |
| 2.   | TAHFIZ                   | 778            | 77,800           |
| 3.   | SRAR (Penuh)             | 4,135          | 206,750          |
| 4.   | SRAR (Kafa)              | 87,549         | 1,050,588        |
| 5.   | SABK (Menengah)          | 6,512          | 325,600          |
| 6.   | SABK (Rendah)            | 291            | 3,492            |
| 7.   | Tadika Islam (Perkapita) | 2,250          | 54,000           |
| 8.   | Tadika Islam (Makanan)   | 2,250          | 675,000          |
|      | <b>Jumlah</b>            | <b>106,534</b> | <b>2,587,060</b> |



Agenzi Antidadah Kebangsaan  
Kementerian Dalam Negeri

## CURE & CARE SERVICE CENTRE BANDARAYA IPOH

# MAIPk DAN AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN bekerjasama mewujudkan **CURE AND CARE SERVICE CENTRE (CCSC)**

D adah merupakan bahan kimia yang memberi kesan kemudaratana ke atas pemikiran (psiikoaktif), fizikal, emosi dan tingkah laku. Kebanyakan penggunaan dadah bukan untuk tujuan perubatan. Ia mempunyai kesan paling ketara ke atas sistem saraf. Selain itu, dadah juga mendatangkan kesan buruk dan bahaya kepada kesihatan serta fungsi sosial individu.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Daerah Kinta mempunyai 1,275 orang Orang Kena Pengawasan (OKP) di mana daripada angka tersebut, 638 daripadanya adalah

penagih baru manakala 647 orang pula adalah penagih berulang. Pusat ini akan dikendalikan oleh Persatuan Rakan Bersara Ipoh, Perak. Justeru itu, melihat kepada jumlah OKP yang besar yang perlu diawasi oleh pihak berkuasa, AADK dengan kerjasama MAIPk telah mewujudkan *Cure and Care Service Centre (CCSC)* di premis MAIPk di Jalan Dato' Onn Jaafar bagi kawasan Ipoh. Kumpulan sasar CCSC ini adalah penagih-penagih dadah, kutu rayau dan penarik beca yang kebanyakannya adalah golongan yang tidak mempunyai rumah.

Tujuan penubuhan CCSC ini sebagai tempat persinggahan sementara

setelah bebas dari PUSPEN, Penjara atau bagi kumpulan sasar yang tersisih dan juga perkhidmatan singgah masuk (*daycare*). Selain itu, pusat ini dapat memberi sokongan emosi kepada kumpulan sasar. Kumpulan sasar juga dapat menerima rawatan perubatan asas sebelum dirujuk kepada saluran yang sesuai.

Semoga dengan kerjasama yang erat di antara AADK, MAIPk dan Persatuan Rakan Bersara Ipoh, Perak dapat menyelamatkan kumpulan sasar yang memerlukan bantuan bagi meneruskan kehidupan ini.

## PENILAIAN TAHAP KEPUASAN PARA PELANGGAN MAIPk

P adatuhun2010,Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) memperkenalkan semula sistem layanan perkhidmatan pelanggan di kaunter-kaunter pejabat ke arah lebih berkualiti. *Smiley box* atau kotak senyum diperkenalkan di kaunter-kaunter pejabat ibu pejabat dan daerah untuk memudahkan para pelanggan yang berkunjung ke MAIPk dapat menilai layanan yang diberikan oleh para pegawai yang bertugas.

Kotak senyum ini mengandungi empat (4) bahagian. Bahagian pertama iaitu tahap cemerlang, diikuti dengan tahap amat baik, tahap memuaskan dan tahap tidak memuaskan. Setiap pelanggan yang berurus dengan pegawai MAIPk di kaunter boleh menilai layanan yang diterima dengan

meletakkan nombor giliran pada salah satu bahagian yang disediakan. Pengurusan MAIPk meletakkan sasaran 80 peratus bagi markah terkumpul tahap cemerlang dan amat baik diperolehi daripada undian yang dibuat oleh para pelanggan.

Kotak senyum ini disediakan oleh MAIPk sebagai salah satu instrumen untuk menilai tahap layanan yang diterima oleh para pelanggan. Penilaian

tersebut akan dianalisa setiap dua minggu sekali. Dengan penilaian tersebut, layanan yang diberikan oleh para pegawai yang bertugas dapat ditingkatkan dengan lebih baik lagi. Di samping itu, sistem ini akan dapat memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh MAIPk. Suatu urusan hendaklah segera diselesaikan di samping isu kualiti tidak diketepikan.

### Tahap kepuasan pelanggan dari Januari sehingga Ogos 2011

|                | Cemerlang | Amat Baik | Memuaskan | Tidak Memuaskan | Jumlah |
|----------------|-----------|-----------|-----------|-----------------|--------|
| Bil. Pelanggan | 4,945     | 3376      | 819       | 145             | 9,285  |
| Peratus        | 53.26     | 36.36     | 8.82      | 1.56            | 100    |

• ARTIKEL •

# PANDUAN PELAKSANAAN PERUBAHAN BUDAYA

## Yang Efektif

Peringkat kepimpinan perlu membuat dan mempunyai garis panduan yang jelas dalam keberkesanannya pelaksanaan perubahan budaya. Sebagaimana yang telah dinyatakan, setiap organisasi mempunyai budaya yang tersendiri. Oleh itu, untuk mengubah budaya suatu organisasi, panduan perubahan budaya perlu diikuti bagi mengelakkan kesan buruk kepada organisasi. Antara garis panduan yang boleh dipraktikkan ialah:

i. **Penglibatan individu yang berpengetahuan dan pakar dalam sesuatu bidang**

Dalam proses melaksanakan perubahan terhadap budaya organisasi, pihak pemimpin perlu meminta nasihat daripada mereka yang pakar dalam melakukan perubahan terutama berkaitan dengan aspek perubahan yang akan dilakukan. Pemimpin tidak sepatutnya merasakan bahawa hanya diri mereka yang pandai dan berpengetahuan dalam segala hal. Kerjasama dengan mereka yang pakar akan memudahkan dan mempercepatkan lagi proses perubahan.

ii. **Jelaskan dengan terang dan terperinci apakah bentuk perubahan yang bakal dilakukan**

Adakalanya, subordinat tidak dapat menerima perubahan kerana objektif yang dinyatakan tidak jelas atau mereka tidak benar-benar memahami apakah peranan yang perlu dimainkan selaras dengan perubahan yang berlaku. Pemimpin perlu menerangkan mengapa perubahan perlu dilakukan serta jelaskan kepada subordinat apakah kelemahan sistem yang lama dan apakah kebaikan yang akan diperolehi daripada sistem yang baru. Penjelasan ini penting untuk memastikan ianya tidak menimbulkan kemasukan atau rasa ragu-ragu dalam diri subordinat.

iii. **Tidak mudah berputus asa jika ia tidak berjaya pada peringkat permulaan**

Pemimpin haruslah bersabar dan cekal dalam proses melaksanakan perubahan. Apa yang penting, pemimpin harus bersabar kerana untuk mengubah sesuatu yang melibatkan kehidupan seseorang bukanlah mudah dan memerlukan masa yang panjang. Jika gagal pada kali pertama, pemimpin perlu mengubah strategi dengan mendapatkan pandangan daripada pakar.



Oleh:  
Abu Ilham

iv. **Komunikasi berkesan**

Komunikasi berkesan adalah satu aspek yang penting dalam proses perubahan. Tanpa komunikasi yang berkesan, sesuatu mesej itu tidak akan dapat disampaikan dengan jelas kepada mereka yang terlibat dalam perubahan. Pemimpin yang tidak mempunyai komunikasi yang berkesan pasti akan menghadapi masalah dalam melakukan apa-apa tugas sekalipun.

v. **Pemimpin perlu memenangi hati dan pemikiran subordinat**

Sekiranya hati dan fikiran subordinat dapat difahami dan ditakluki, maka kerja untuk mengubah akan menjadi lebih senang. Subordinat juga akan lebih bersedia untuk memberi kerjasama.

vi. **Perancangan untuk berubah perlu dibuat secara bersungguh-sungguh**

Pemimpin perlu ingat, untuk mengubah budaya yang sedia ada pada diri seseorang atau kumpulan bukanlah sesuatu perkara yang mudah apatah lagi untuk mengubah budaya keseluruhan organisasi yang mempunyai pelbagai ragam dan sejarah pembangunannya tersendiri.

vii. **Elakkan unsur-unsur politik dalam melaksanakan perubahan dan peahkan dinding sempadan**

Mempolitikkan perubahan bermakna menjemput konflik dengan pelbagai pihak. Oleh itu, pemimpin perlu mengelakkan diri daripada memanipulasikan isu-isu perubahan sama ada untuk kebaikan diri sendiri, jabatannya atau organisasi secara keseluruhannya. Mereka perlu memastikan tidak ada agenda yang tersembunyi dalam melakukan perubahan. Di samping itu, pastikan terdapat ketulusan dalam melaksanakan perubahan.

viii. **Sumber-sumber yang mencukupi**

Sumber-sumber yang akan digunakan dalam proses perubahan perlu ditempatkan pada tempat yang bersesuaian dan boleh didapati apabila diperlukan. Pastikan pembahagian sumber dilakukan berdasarkan keutamaan individu, kumpulan dan bahagian.

• BERITA SANA-SINI •



PARA PESERTA BENGKEL MANUAL PROSEDUR KERJA MAIPK 2011 BERGAMBAR DENGAN FASILITATOR DARI INTAN WILAYAH UTARA PADA 13 MEI 2011.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK MENYAMPAIKAN TAKLIMAT ZAKAT KEPADA PARA GURU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ANDERSON, IPOH PADA 14 MEI 2011.



PARA PEKHIDMAT MAIPK BERGAMBAR DENGAN PARA URUSETIA KURSUS BINA INSAN YANG DIADAKAN PADA 31 MEI 2011.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK MENERIMA CEK ZAKAT PERNIAGAAN DARI TAKAFUL MALAYSIA SDN. BHD. PADA 15 JUN 2011.



PARA PEKHIDMAT MAIPK YANG TERPILIH SEDANG MENGIKUT BENGKEL KEWANGAN BIL. 2/2011 PADA 23 JUN 2011.



PARA PEGAWAI MAIPK BERGAMBAR SETELAH SELESI BENGKEL BAJET 2012 DAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2011 PADA 8 JULAI 2011.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK MENYAMPAIKAN CENDERAHATI KEPADA TIMBALAN PENGURUS BESAR PUSAT PUNGUTAN ZAKAT WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA MESYUARAT SEKRETARIAT PENGURUSAN ZAKAT NEGERI-NEGERI PADA 25 SEHINGGA 27 JULAI 2011.



PARA PEGAWAI MAIPK SEDANG MENGIKUT BENGKEL PELAN STRATEGIK 2012 – 2016 MAIPK PADA 3 OGOS 2011.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK MERASMIKAN PROGRAM TAKLIMAT AMIL ZAKAT FITRAH DAERAH KINTA PADA 4 OGOS 2011.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK BERTUKAR DOKUMEN PERJANJIAN DENGAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS SEMPENA MAJLIS PELANTIKAN UTP SEBAGAI AGEN KUTIPAN ZAKAT PADA 10 OGOS 2011.



PARA PEKHIDMAT MAIPK SEDANG MEMBACA IKRAR AKUJANJI SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PADA 22 OGOS 2011.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK MENYERAHTERAKAN REPLIKA CEK BANTUAN TIKET PENERBANGAN KEPADA WAKIL PARA PELAJAR YANG AKAN BELAJAR DI TIMUR TENGAH SEMPENA PROGRAM PERSEDIAAN ANAK-ANAK PERAK BELAJAR DI LUAR NEGARA PADA 25 OGOS 2011.



# Majlis Penyerahan BANTUAN PEMBANGUNAN ISLAM & AGIHAN BUBUR LAMBUK

Pada 22 Ogos 2011, bertempat di Ruang Legar Kompleks Islam Darul Ridzuan, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan majlis penyerahan bantuan Pembangunan Islam dan agihan bubur lambuk kepada pihak yang berkaitan. Majlis penyerahan ini diadakan sempena mengambil keberkatan bulan Ramadhan Al Mubarak 1432H.

Sebanyak tujuh buah institusi terdiri daripada surau, sekolah rendah agama rakyat dan tadika Islam terpilih telah diberikan bantuan yang berjumlah RM55,000.00 pada majlis tersebut. Bantuan berupa wang tunai tersebut disalurkan untuk pembaikan infrastruktur serta pembelian perabot bagi kegunaan masyarakat serta para pelajar.

Sehingga Ogos 2011, pihak Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak telah mengagihkan bantuan Pembangunan Islam berjumlah RM2,191,200.00 kepada pihak-pihak berikut:

- i. RM374,000.00 bagi 16 buah masjid seluruh Negeri Perak
- ii. RM571,400.00 bagi 54 buah surau
- iii. RM259,000.00 bagi 21 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat (baikpulih)
- iv. RM436,800.00 bagi 84 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat (perabot)
- v. RM525,000.00 bagi 46 buah Tadika Islam, dan
- vi. RM25,000.00 bagi 2 buah Rumah Anak Yatim.

Antara institusi-institusi yang telah menerima bantuan Pembangunan Islam daripada MAIPk adalah seperti berikut :

| Bil. | Institusi   | Jumlah Bantuan |
|------|---|----------------|
| 1.   | Surau Iskandar Bistari, Seri Iskandar                           | RM 50,000.00   |
| 2.   | SRAR Solathiah, Taman Rapat Setia Baru, Ipoh                    | RM 50,000.00   |
| 3.   | Surau Kampung Orang Asli Kerawat, Simpang Pulai                 | RM 40,000.00   |
| 4.   | Tadika Islam Perak, Kampar                                      | RM 30,000.00   |
| 5.   | Surau Al-Hidayah, Taman Kinta Perdana, Lahat                    | RM 30,000.00   |
| 6.   | Masjid Kampung Paloh, Ipoh                                      | RM 30,000.00   |
| 7.   | Maahad Nurul Iman, Kg Batu 14, Batu Kurau, Taiping              | RM 20,000.00   |
| 8.   | Surau SMA Tan Sri Ghazali Jawi, Gerik                           | RM 20,000.00   |
| 9.   | Surau Al-Jamaiyah, RPT Desa Changkat, Batu Gajah                | RM 20,000.00   |
| 10.  | Masjid Ar-Rahmaniah, Lenggong                                   | RM 20,000.00   |
| 11.  | Kediaman Anak-Anak Yatim & Miskin Nur Kasih, Taiping            | RM 20,000.00   |
| 12.  | Masjid Sungai Jernih, Ijok, Batu Kurau                          | RM 20,000.00   |
| 13.  | SAR Madrasah Al-Islahiyah Ad-Diniyah, Simpang Empat, Semanggol. | RM 20,000.00   |
| 14.  | Surau Diri Jumaat Kariah Batu 4, Tambun, Ipoh                   | RM 20,000.00   |
| 15.  | Surau SMK Methodist, Tanjung Malim                              | RM 20,000.00   |
| 16.  | Surau Taman Murni, Parit Buntar                                 | RM 20,000.00   |
| 17.  | Masjid Nurul Huda, Titi Serong, Tanjung Piandang                | RM 20,000.00   |
| 18.  | Masjid Al-Ahmadi, Sungai Labu Atas, Tanjung Piandang            | RM 20,000.00   |
| 19.  | Tadika Islam Perak Slim Village, Slim River                     | RM 20,000.00   |
| 20.  | Tadika Islam Perak Al-Itqaniah, Kuala Kangsar                   | RM 20,000.00   |